

## **Isa dimakamkan**

**Petikan dari Kitab Injil: [Yahya 19:38-42.](#)**

<sup>38</sup>Selepas itu, Yusuf yang berasal dari Arimatea meminta izin daripada Pilatus untuk mengambil jenazah Isa. Yusuf ialah seorang pengikut Isa secara diam-diam kerana takut akan ketua orang Yahudi. Dengan izin Pilatus, maka dia datang dan mengambil jenazah Isa. <sup>39</sup>Nikodemus, yang pernah mendapatkan Isa pada suatu malam dahulu, pergi bersama Yusuf membawa ramuan mur dan gaharu sebanyak kira-kira seratus paun. <sup>40</sup>Mereka mengambil jenazah Isa lalu mengkafankannya dengan kain kafan dan ramuan mengikut adat pengebumian orang Yahudi. <sup>41</sup>Di sebuah taman di tempat Isa disalib terdapat sebuah makam yang belum pernah digunakan. <sup>42</sup>Oleh sebab makam itu dekat dan hari itu hari persediaan orang Yahudi, mereka pun memasukkan jenazah Isa ke dalamnya.